

KATA SENDI NAMA

Kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dan ayat.



Lengkapkan ayat-ayat ini dengan Kata Sendi Nama yang betul.

1. Surat ini ditujukan _____ pihak syarikat itu.
2. Devi suka _____ rambutan.
3. Hukuman berat menanti _____ pencuri itu.
4. Budak itu berada _____ sisi ibunya.
5. Baju itu berbeza _____ gambar iklan.
6. Asap itu datang _____ arah sekolah itu.
7. Sumbangan itu diberikan _____ pihak masjid.
8. Hadiah ini adalah _____ emak.
9. Gaji yang diterima tidak setimpal _____ usahanya.
10. Suaranya merdu _____ buluh perindu.
11. Jarak _____ rumahnya dan sekolah 3 km.
12. Kami semua setuju _____ hal ini.
13. Mereka akan _____ lokasi jenayah itu.
14. Tiket kapal terbang itu ada _____ Sarah.
15. Marilah kita berdamai _____ semua.
16. Kami berbincang _____ program itu.
17. Seleranya bertambah _____ pulang dari hospital.
18. Ucapan akan disampaikan _____ pengetua.
19. Rahim belajar _____ peringkat universiti.
20. Pemuda itu berlagak _____ orang berada.

di

ke

dari

oleh

bagi

demi

akan

pada

untuk

dalam

antara

sampai

kepada

dengan

tentang

laksana

daripada

terhadap

umpama

semenjak

